

# Ikan makin pupus guna pukat mata 300

Hm 7/11/2023 Ms: 17

**Sungai Petani:** Lebih 1,000 nelayan pantai di Tanjung Dawai di sini terjejas pendapatan selepas hasil tangkapan ikan mereka semakin berkurangan sejak enam bulan lalu akibat penggunaan pukat mata 300 atau jaring halus yang tidak terkawal.

Rata-rata nelayan yang turun ke laut pulang dengan tangan kosong selepas ikan di perairan berdekatan di-

katakan semakin pupus akibat penggunaan kaedah itu oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Nelayan yang juga pemilik bot, Md Rozi Md Nor, 52, berkata dia terpaksa mengisi petrol sehingga RM400 demi mencari ikan sehingga sempadan Pulau Pinang dan Pulau Langkawi namun hasil tangkapan sangat menghampakan.

"Jika angin kuat, kami

terpaksa patah balik ke jeti, namun jika cuaca mengizinkan kami akan berusaha mencari ikan sehingga ke sempadan perairan Pulau Pinang dan Pulau Langkawi, tapi hasil tangkapan sangat sedikit.

"Bot yang menggunakan pukat mata 300 menyebabkan ikan kecil dikaut. Bot ini selalunya beroperasi pada waktu malam," katanya.

Menurutnya, jika tiada

penguatkuasaan yang ketat oleh pihak berkuasa, tidak mustahil ikan di perairan itu pupus dan nelayan akan hilang mata pencarian.

"Biasanya langsung tiada tangkapan, kadang-kadang dapat hanya 20 kilogram dan selepas dijual kepada peraih, saya dapat antara RM100 hingga RM120 sehari, tidak balik modal sebab petrol untuk bot sahaja sudah RM400," katanya.



**NELAYAN** menaikkan ikan di jeti nelayan Tanjung Dawai, Sungai Petani.